

Masa operasi ikut peraturan

KSSB perjas dakwaan penduduk berkenaan isu laluan lori pasir projek Horas

BESTARI JAYA – Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) menafikan operasi laluan lori pasir yang digunakan untuk projek *Hybrid off River Augmentation System* (Horas) di Sungai Darah, di sini di luar waktu operasi yang ditetapkan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Dr Azimuddin Bahari menjelaskan, operasi membawa keluar masuk pasir dijalankan mengikut peraturan yang ditetapkan malah pasukan sekuriti dilantik memantau gerak kerja sepanjang pelaksanaan projek itu.

Menurutnya, waktu operasi mengikut tempoh yang ditetapkan bagaimanapun operasi lori dihentikan terutamanya waktu puncak bermula jam 7 pagi hingga 8 pagi berikutan waktu itu sesak dengan pengguna jalan raya.



Azimuddin (tengah) berbincang sesuatu dengan Penghulu Mukim Bestari Jaya/Hulu Tinggi, Hanis Zahari (kanan) ketika hadir di Masjid Kampung Rantau Panjang.

“Malah saya turun padang dan selidik laluan lori pasir yang dikatakan mengganggu pelajar yang mahu ke sekolah, pergerakan lori dipantau pasukan sekuriti supaya kejadian tidak diingini dapat dielak.

“Pengawal lalu lintas juga dilantik untuk mengawal lalu lintas sekiranya lori pasir mahu keluar masuk, memang saya menitikberatkan isu keselamatan membabitkan mana-mana projek yang

dikendalikan KSSB,” katanya mengulas lanjut berhubung aduan penduduk setempat yang bimbang dan curiga operasi lori pasir di Sungai Darah itu sehingga mengundang insiden kemalangan jalan raya

sebelum ini.

Azimuddin menjelaskan, setakat ini pihak KSSB belum menerima aduan atau teguran secara langsung berhubung isu laluan lori pasir yang digunakan untuk projek Horas bagaimanapun ada membacanya dalam media.

“Bagaimanapun, saya ingin menegaskan, kebanyakan lori yang membawa muatan pasir tidak bergerak laju berbanding yang membawa muatan batu, jadi penduduk diminta tidak keliru dengan lori yang digunakan dalam projek Horas.

“Teguran sama perlu diberikan kepada pemandu lori lain supaya masalah yang dihadapi penduduk di kawasan ini dapat diselesaikan dengan baik,” katanya ketika ditemui *Sinar Harian* pada program di Masjid Kampung Rantau Panjang.

Sebelum ini, Pengerusi

Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKP) Rantau Panjang, Rahim Mohd Yatim, 55, berkata, pihaknya sedia maklum kewujudan projek Horas yang dilaksanakan di tanah seluas 235 hektar di Sungai Darah itu.

“Memang tak nafikan, lori banyak keluar masuk dari jalan berhadapan masjid sehingga menimbulkan masalah kepada jemaah yang menggunakan laluan sama dengan menunggang motosikal. Selain berdepan masalah habuk dan titisan air pasir, penduduk meragui kerja melombong pasir di kawasan itu yang dilihat tak kira masa sehingga lewat malam.

“Saya juga bimbang keselamatan anak penduduk bila tengok lori yang membawa muatan pasir melalui kawasan ini,” katanya.